

AMANAT PEMIMPIN

**YB DATUK MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN
TIMBALAN MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN
MALAYSIA**

sempena

**MAJLIS PERASMIAN
PAMERAN DAN FESTIVAL GAMBUS SERANTAU**

pada

23 NOVEMBER 2015

di

JABATAN MUZIUM MALAYSIA

YBhg. Datuk Hj. Abdul Ghaffar bin A. Tambi
Timbalan Ketua Setiausaha Kebudayaan, KPK

YBhg. Dr. Junaida Lee Abdullah
Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, KPK

YBhg. Encik Kamarul Baharin bin A. Kasim
Ketua Pengarah, JMM

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi KPK
Dato'-Dato'/Datin-Datin/Tuan-Tuan/Puan-Puan
yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Selamat petang dan salam sehati sejiwa untuk nasional.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subahanu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya dapat kita berhimpun bersama-sama pada petang ini, bagi menjayakan Majlis Perasmian Pameran dan Festival Gambus Serantau. Terlebih dahulu, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur atas kesudian menjemput saya bagi menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan program kita sebentar nanti.

2. Kehadiran kita bersama-sama pada petang ini, membuktikan keprihatinan dan sokongan padu terhadap usaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menerusi Jabatan Muzium Malaysia dalam memartabatkan lagi warisan seni dan budaya sebagai cerminan identiti bangsa Malaysia yang berbilang kaum serta agama. Saya berharap, penganjuran festival ini yang diadakan bersempena dengan *My Year of Festival* atau MyFest 2015, dapat menarik minat pelancong tempatan dan luar Negara berkunjung ke muzium. Di samping itu juga, pada 29 Oktober 2015 yang lalu, saya telah mewakili Yang Berhormat Menteri Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk merasmikan pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan di peringkat Kementerian. Pada ketika itu, saya amat tertarik apabila mengetahui bahawa daripada 10 program Kementerian yang disenaraikan bersempena Bulan Bahasa Kebangsaan, lima daripadanya adalah program Jabatan Muzium Malaysia di bawah Festival Gambus Serantau.

3. Saya percaya dan penuh yakin bahawa Jabatan Muzium Malaysia telah melakukan pelbagai inisiatif untuk melestarikan dan memartabatkan warisan ketara mahupun tidak ketara di Negara ini sejak awal penubuhannya. Malah, saya dimaklumkan bahawa penganjuran festival ini adalah susulan daripada penyelidikan gambus masyarakat Brunei yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Muzium Malaysia sejak tahun 2006 dan diikuti pula dengan penyelidikan gambus di Johor. Adalah menjadi harapan saya agar usaha ini dapat diteruskan dan menghasilkan *outcome* seperti

penerbitan buku dan audio-visual, pameran serta persembahan yang lebih berinformatif.

Y.Bhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati,

4. Variasi muzik tradisi di Malaysia adalah hasil campuran pelbagai etnisiti. Selain mempunyai latar belakang yang menarik dan terdiri daripada pelbagai bentuk serta rupa berbeza, peralatan muzik tradisional di Negara ini berupaya dimainkan sesuai dengan panorama tertentu. Istimewanya juga, kepelbagaian etnik termasuk kaum majoriti Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India serta Bumiputra Sabah dan Sarawak bergabung menghasilkan alunan muzik Nusantara yang unik, yang tidak terdapat di mana-mana negara lain sekalipun. Muzik tradisional secara amnya, digunakan sebagai lambang budaya sesuatu bangsa, selain bertujuan untuk menghiburkan dan mengiringi upacara-upacara adat tertentu.

5. Namun, dalam hambatan pengaruh luar terhadap muzik tradisional khususnya seni gambus di Malaysia, ia semakin berdepan dengan masalah kepupusan dan terancam kerana lambakan alat-alat muzik moden mutakhir ini. Saya mendapat maklumat bahawa di Malaysia, hanya Johor dan Sabah sahaja yang masih kekal serta giat meneruskan industri pembuatan gambus. Malangnya, penggiat gambus yang tinggal ini semakin uzur dimamah usia dan

sebahagiannya pula telah kembali menemui Illahi. Kita telah kehilangan tokoh gambus tersohor seperti Allahyarham Fadzil Ahmad yang banyak berjasa dalam memartabatkan warisan seni dan budaya Negara. Beliau meninggalkan suatu legasi yang sangat hebat dengan harapan agar perjuangan tersebut dapat diteruskan oleh generasi muda yang mempunyai minat dan kecenderungan yang sama. Saya percaya, generasi-generasi muda berbakat dalam seni gambus seperti Raja Zulkarnain Raja Yusof, Fauziah Gambus, Mohd Nizam Atan dan lain-lain dapat mencetuskan inspirasi serta penghargaan kepada golongan-golongan muda yang lain terhadap fungsi dan keseniannya. Usaha yang dilakukan oleh Pertubuhan Gambus Malaysia pimpinan Raja Zulkarnain dan beberapa institusi pengajian tinggi di Negara ini dalam memartabatkan seni gambus merupakan usaha murni yang diyakini mampu memulihara dan memelihara seni warisan di Negara ini untuk jangka masa panjang.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

6. Saya berasa amat pasti bahawa dengan penganjuran festival sebegini dapat dijadikan sebagai suatu landasan untuk kita mewartarkan kepada masyarakat khususnya Generasi Y, tentang pentingnya gambus diiktiraf berdasarkan sejarah dan sosio-budayanya, demi memastikan instrumen muzik tradisional ini kekal terpelihara, tidak terpinggir dan dilupakan begitu sahaja. Kementerian akan sentiasa memberikan galakan dan sokongan kepada Jabatan Muzium Malaysia agar inisiatif ke arah kelangsungan warisan seni

dan budaya seumpama ini dapat diteruskan menerusi pelaksanaan program-program ilmiah seperti penyelidikan, penerbitan, pameran dan program-program pendidikan seperti bengkel seni pembuatan gambus, kelas bimbingan muzik gambus, latihan pengolahan nota muzik gambus dan sebagainya.

7. Kita sering mendengar betapa indahnya peribahasa Melayu yang acapkali dijadikan sebagai wahana pemangkin bangsa seperti “bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat” dan “yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing”. Sehubungan dengan itu, ingin saya tekankan di sini bahawa tugas memartabatkan khazanah warisan Negara bukan semata-mata tergalas di bahu Jabatan Muzium Malaysia sahaja. Malahan, semua agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan haruslah memainkan peranan masing-masing agar dapat bersama-sama memikul tanggungjawab dengan penuh komited dalam merealisasikan hasrat kementerian bagi melihat pengejalan tamadun bangsa Malaysia ini utuh zaman-berzaman agar “tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas”, dan janganlah sesekali kita berputus-asa, ibarat “bara yang digenggam, biar sampai jadi arang”.

Y.Bhg. Dato’-Dato’, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati,

8. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Jabatan Muzium Malaysia kerana tanpa jemu mempergiatkan pelbagai usaha untuk

melestarikan warisan seni dan budaya Negara. Inisiatif ini hendaklah dijadikan sebagai salah satu insentif untuk merangsang minat lebih banyak pelawat dalam dan luar Negara berkunjung ke Jabatan Muzium Malaysia serta muzium-muzium di bawah pentadbirannya.

9. Akhir bicara, terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang berganding bahu memberikan kerjasama dan komitmen padu kepada Jabatan Muzium Malaysia bagi menjayakan program ini dan rakaman penghargaan saya juga buat semua yang hadir, bersatu hati menyokong dan bersama-sama memeriahkan lagi Majlis Perasmian Pameran dan Festival Gambus Serantau pada petang ini.

*Petiklah gambus, gambus siludang
Gambus dijalin, sambil berdendang,
Seni gambus warisan dijulung,
Dipetik dijalin adat ditunjang.*

*Rama-rama si kumbang jati,
Minum manisan di dalam gua,
Hidup budaya kembanglah seni,
Warisan kita kekallah jua,*

10. Dengan lafaz yang suci....**Bismillahir Rahmanir Rahim**, saya dengan rasa rendah diri dan sukacitanya merasmikan Pameran dan Festival Gambus Serantau. Semoga hasrat murni penganjurannya

akan mencapai kejayaan dan memenuhi objektifnya serta memberikan manfaat kepada setiap yang mengunjunginya.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik wal hidayah

Assalamualaikum warahmatullhi wabarakatuh.